

Persisi berazam juarai pencak silat dunia



• **TIMBALAN** Presiden Persisi yang juga seorang guru silat, Encik Abdul Rahim Dayan (berkemeja putih) sedang memberi tunjuk ajar kepada salah seorang pesilat. — Gambar-gambar oleh HAJI RAWI AHMAD.

Oleh RAMAN DAUD

JADI juara pencak silat dunia.

Itulah tekad Persekutuan Silat Singapura (Persisi). Ia kini mengadakan latihan pesat bagi meneguhkan kumpulan 26 orang pesilatnya.

Mereka akan bertanding dalam Undangan Pencak Silat Antarabangsa yang ketiga di Vienna, ibu negara Austria. Tarikhnya belum ditetapkan tetapi dijangka pada pertengahan atau akhir Jun nanti.

Tekad itu bersandarkan rekod kejayaan Persisi.

Dalam pertandingan pertama di Jakarta pada 1982, Persisi jatuh nombor empat dengan memenangi sebuah pingat emas dan tiga gangsa.

Manakala dalam pertandingan kedua, 1984 di Jakarta juga, ia masih bertahan kedudukannya tetapi hanya meraih dua pingat perak dan tiga gangsa.

Timbalan Presiden Persisi, Encik Abdul Rahim Dayan, 47 tahun, yang juga seorang guru silat menerangkan:

"Kalaupun tidak menjadi juara, kami akan bersyukur jika berjaya terpilih di kalangan tiga kumpulan yang terbaik."

Encik Abdul Shukor Rais, 38 tahun, guru silat sepenuh masa Persisi, menerangkan bahawa latihan pesat yang dijalankan tertumpu pada stamina, tenaga dan teknik.

Bertukar warga negara

Kejuaraan silat dunia itu bercorak olahraga bukan kebatinan (menggunakan tenaga dalam). Silat begini mudah mendapat pengikut kerana cara amalnya seperti judo, karate dan sebagainya.

Menurut Encik Abdul Shukor, para pesilat kita menghadapi pencabar yang tangkas teknik dan ketahanannya dari Indonesia dan pencabar yang amat bertenaga dari negara-negara Barat.

"Silat olahraga mendapat sambutan yang baik di Eropah. Jadi corak silat olahraga bersifat antarabangsa dan tidak terhad kepada perguruan tertentu," kata Encik Rahim.

Di kebanyakan negara Barat itu, para guru silatnya berasal dari Indonesia tetapi sudah bertukar warga negara. Misalnya badan silat Austria, Bon Pencak Silat, diketuai oleh Frank Hariwijadi.

Kejuaraan dunia itu akan disertai antaranya oleh Australia, Austria, Belanda, Brunei, Indonesia, Jerman Barat, Malaysia, Perancis, Sepanyol dan Singapura.

Tradisi kecergasan diri

Menurut Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff, meskipun Persisi-baru berusia 10 tahun, ia sudahpun mendapat penghormatan dalam pertandingan-pertandingan silat di Semenanjung Malaysia dan di rantau ini.

Persisi kini mempunyai 2,555 orang anggota dan 29 orang guru silat.

Ia mempunyai 58 orang anggota teras yang terdiri daripada guru silat dan pesilat handalan. Mereka sering membuat persembahan atas undangan Lembaga Penggalak Pelancong Singapura (STPB) dan Persatuan Rakyat (PA).

Untuk tahun ini, kata Encik Johari, Persisi merancang untuk mengadakan sambutan ulang tahun ke-10 dan menyertai kegiatan anjuran Persatuan Instruktur Seni Mempertahankan Diri Singapura (SMAIA).

"Persisi juga bercadang untuk meluaskan seni silat olahraga sebagai suatu bidang sukan.

"Sejauh ini, kami berasa hampa kerana silat masih dianggap sebagai suatu seni saja. Pada hal, silat merangkum tradisi kecergasan diri. Kami berharap pihak akhbar dapat membantu kami mempopularkan silat olahraga," kata Encik Johari.

Dalam 1987, Persisi akan menemui Brunei, Indonesia dan Malaysia dalam pertandingan pencak silat olahraga di Sukan Asia Tenggara, Jakarta.